

RM1 juta bina Pusat Pengajian At-Taiyyibin

Ipoh: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM1 juta untuk pembinaan Pusat Pengajian At-Taiyyibin di Tanah Hitam, Chemor, dekat sini.

Beliau berkata, ia adalah tambahan kepada dana yang dikumpul oleh penduduk kawasan itu bagi membangunkan pusat pengajian berkenaan.

Katanya, beliau memberi perhatian khas kepada pusat pengajian Islam itu atas usaha dan ikhtiar pengurusanya membangun dan mengimarahkan institusi pengajian agama berkenaan.

"Saya ucap penghargaan setinggi-tingginya (kepada pihak pengurusan pusat pengajian itu), termasuk penduduk di sini yang mengambil ikhtiar sendiri, tanah wakaf, yang membangunkan adalah ikhtiar sendiri.

"Ini (ikhtiar sendiri) satu perkara yang sangat membanggakan kerana ilmu itu fadilat (fadilat) kepada seluruh Muslim dan Muslimat dan matlamat kita itu sebenarnya nak didik masyarakat, angkat martabatnya dan beri kefahaman," katanya ketika berucap pada majlis Lawatan Mahabbah dan Kenduri Rakyat di pusat pengajian itu dekat sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Penaung Pusat Pengajian Islam At-Taiyyibin, Datuk

Dr Mohd Fadzilah Kamsah.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mahu rakyat mengubah persepsi bahawa tanggungjawab membangun dan mengimarahkan institusi kerohanian seperti masjid dan pusat pengajian agama tidak hanya tergalas di bahu kerajaan, sebaliknya menjadi tanggungjawab kepada semua rakyat.

Beliau berkata, martabat umat Islam boleh diangkat apabila tanggungjawab membangun dan mengimarahkan institusi agama sedemikian dimainkan semua pihak, termasuk menerusi sumbangan kepada tabung masjid pada setiap Jumaat sewaktu sesi solat Jumaat berlangsung.

"Seperti Jumaat kita ke masjid, bina masjid itu pun menjadi tanggungjawab semua. Sesetengah orang dia salah faham dengan dia ingat semua ini daripada peruntukan (kerajaan).

"Namun, mesti ada paling kurang seringgiti (RM1), mesti ada saham dia untuk membina masjid. Maknanya, mengimarahkan atau membangun masjid itu tanggungjawab semua.

"Jadi, mesti ada saham RM1, atau RM10, atau RM100 mengikut kemampuan masing-masing. Untuk apa? Bukan untuk tempat porak-peranda, maki hamun, fitnah orang atas nama Melayu atau Islam," katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan perlu berjimat dan



Anwar melihat pelan cadangan pembangunan Pusat Pengajian At-Taiyyibin pada majlis Lawatan Mahabbah dan Kenduri Rakyat di Ipoh, semalam. Turut kelihatan, Saarani (kiri) dan Mohd Fadzilah (dua dari kiri). (Foto BERNAMA)

berhemat dalam berbelanja bagi menampung kos urus negara yang semakin meningkat, termasuk menampung tambahan kos RM10 bilion sepanjang 2025 bagi kenaikan gaji penjawat awam.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu memastikan wang kerajaan diurus dengan cekap tanpa membabitkan perbelanjaan tidak perlu yang boleh menyumbang kepada ketirisan dan rasuah.

"Untuk tahun depan, gaji (penjawat awam) naik seluruh negara membabitkan tambahan RM10 bilion untuk 2025 sahaja. Hendak cari di mana? Maka sebab itu kita kena jaga dan cermat.

"Wang ini wang rakyat. Jangan bagi orang curi duit, jangan ada ambil komisen, ambil rasuah, beli harta di London, beli harta di Vancouver, beli harta di New York. Kemudian bila balik, dia bercakap soal perjuangan," katanya.